

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
KEJOHANAN BOLA SEPAK PANTAI MONSUN CHALLENGE
MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH 2017**

1. PENGANJUR/ PENGELOLA

Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan oleh Majlis Daerah Pasir Puteh yang selepas ini dinamakan sebagai Jawatankuasa Penganjur dan Pengelola pertandingan.

2. TEMPAT DAN TARIKH KEJOHANAN

TEMPAT	TARIKH
Pantai Bisikan Bayu, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan	Perlawanan peringkat kumpulan, pusingan kedua, ketiga atau keempat, suku akhir, Separuh Akhir & Akhir 24 – 25 November 2017 (Jumaat & Sabtu)

3. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

3.1 Borang Penyertaan yang lengkap diisi hendaklah dihantar kepada urusetia pada atau sebelum **19 November 2017 (ahad)** ke :-

Urusetia

Kejohanan Bola Sepak Pantai Monsoon Challenge 2017

d/a Majlis Daerah Pasir Puteh

16800 Pasir Puteh, Kelantan

U/P: Unit Pembangunan Islam

Tel pejabat : 09-7855800

fax : 09-7867011

En Zameri (017-979 5785) , En Yuzie (019-977 9434) , En Arif (013-217 1547)

4. PENYERTAAN

4.1 Kejohanan ini terbuka kepada semua Warganegara Malaysia.

4.2 Penganjur turut akan menjemput seluruh agensi kerajaan (Negeri/ Persekutuan), Pihak Berkuasa Tempatan(PBT), badan berkanun, swasta, NGO dari seluruh Negara.

4.3 Penyertaan untuk kejohanan adalah **TERHAD** kepada **100 pasukan terawal** yang telah mengesahkan bayaran pendaftaran pasukan.

- 4.4 Setiap pasukan hanya melibatkan 8 orang pemain sahaja dan seorang pengurus, jurulatih pasukan dan fisioterapi pasukan.
- 4.5 Yuran penyertaan yang dikenakan untuk setiap pasukan yang menyertai kejohanan ini adalah sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Ringgit Malaysia Sahaja **(RM70.00) bagi setiap pasukan.**
- 4.6 Yuran Penyertaan Boleh dibayar secara tunai / Bank In atas nama :-
Persatuan Berkat Kebajikan Dan Sukan Majlis Daerah Pasir Puteh (BERKAT)
BANK ISLAM: 03090010061753
(Perhatian : Sila emailkan atau whatsapp slip pembayaran kepada urusetia kejohanan sebagai bukti pembayaran)
- 4.7 Pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan ini secara otomatis mematuhi perkara berikut :-
- 4.7.1 Mematuhi undang-undang permainan dan peraturan badan yang mengelola.
- 4.7.2 Menerima keputusan kepengadilan berkaitan pertandingan yang telah diputuskan
- 4.7.3 Menerima semua kemudahan yang disediakan oleh penganjur
- 4.7.4 Mematuhi dan menghormati motto "Fair Play"

5. PERTANDINGAN DAN ORGANISASI

- 5.1 Jawatankuasa Penganjur dan Pengelola akan memastikan dan bertanggungjawab di atas persediaan jadual perlawanan dan gelanggang perlawanan.
- 5.2 Semua perlawanan akan dijalankan menggunakan gelanggang berukuran saiz maksimum FIFA.
- 5.3 Setiap pasukan adalah bertanggungjawab sepenuhnya diatas persediaan pasukan, keselamatan pemain dan pegawai sebelum, semasa dan selepas kejohanan serta pengangkutan masing-masing.
- 5.4 Jawatankuasa Penganjur dan pengelola akan mengadakan taklimat pengurus dan undian pasukan pada :
- | | | |
|---------------|----------|--|
| Hari | : | 21 November 2017 (Selasa) |
| Masa | : | 3.00 petang |
| Tempat | : | Dewan Utama, Majlis Daerah Pasir Puteh. |
- 5.5 Bagi pasukan yang tidak dapat hadir seperti masa yang ditetapkan, urusetia beranggapan pasukan tersebut telah faham dan bersetuju dengan syarat-syarat

kejohanan serta urusetia akan mencabut undi bagi pasukan yang tidak hadir dan keputusan undian adalah **MUKTAMAD**.

6. SYARAT-SYARAT

- 6.1 Penyertaan, pendaftaran dan status pemain
- i. Borang penyertaan pasukan yang lengkap diisi hendaklah dihantar kepada urusetia selewatnya seminggu sebelum kejohanan bermula.
 - ii. Setiap pasukan wajib mendaftarkan pemain sekurang-kurangnya 5 pemain dan maksimum 8 orang bersama seorang pengurus dan jurulatih pasukan.
 - iii. Hanya pemain yang didaftarkan sahaja akan dibenarkan bermain dan pemantauan akan dilakukan oleh pihak urusetia dari semasa ke semasa.
 - iv. Setiap pasukan hanya dibenarkan untuk mendaftarkan **dua (2) orang sahaja pemain kebangsaan**.
 - v. Jika berlaku pelanggaran syarat (ii) ke atas mana-mana pasukan, penyertaan pasukan tersebut akan dibatalkan serta merta.
- 6.2 Pasukan yang bertanding **diwajibkan untuk mematuhi etika berpakaian menutup aurat**. Memakai seluar panjang, tight atau seluar tiga suku.

7. SISTEM PERTANDINGAN

- i. Pertandingan akan diadakan secara liga kumpulan yang akan dibahagikan kepada 4@5 pasukan bagi setiap kumpulan.
- ii. Pusingan seterusnya akan ditentukan secara kalah mati.
- iii. Penentuan pasukan dalam kumpulan akan ditentukan secara undian
- iv. Pasukan juara dan naib juara kumpulan akan layak ke pusingan seterusnya.

8. PENGADILAN

- i. Pengadil dan pembantu pengadil akan disediakan oleh pihak penganjur
- ii. Pemain yang menerima 2 kad kuning secara automatik akan digantung satu perlawanan berikutnya.
- iii. Jika pemain menerima kad merah, pemain tersebut tidak akan dibenarkan meneruskan permainan di dalam perlawanan tersebut dan digantung satu perlawanan berikutnya
- iv. Mana-mana pasukan/pemain yang menimbulkan pergaduhan atau kekecohan diluar batasan permainan bolasepak akan dikenakan tindakan iaitu tidak dibenarkan bermain dalam kejohanan ini

- v. Keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD**

9. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

9.1 Masa Permainan

Masa permainan adalah 11 minit (5-1-5) bagi peringkat kumpulan dan 15 minit (7-1-7) bagi peringkat separuh akhir dan akhir.

9.2 Ketepatan masa

- i. Setiap pasukan hendaklah menepati masa yang ditetapkan oleh pihak penganjur
- ii. Mana-mana pasukan yang gagal berada dipadang selepas 5 minit masa perlawanan, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan dengan kiraan jaringan 3 gol

9.3 Pertukaran pemain

- i. Setiap pasukan dibenarkan membuat pertukaran pemain tanpa had pertukaran tapi dengan syarat hanya 5 orang pemain sahaja diatas padang
- ii. Pemain yang diganti masih dibenarkan untuk masuk bermain semula.

9.4 Keputusan seri

- i. Pada perlawanan kalah mati, sekiranya seri, 3 tendangan penalti akan diberikan untuk menentukan pemenang dan jika masih seri tambahan 1-1 akan diberikan sehinggalah semua 5 pemain didalam padang melakukan tendangan dan jika masih seri 'toss coin' akan dilakukan

9.5 Persamaan mata

- i. Sekiranya terdapat pasukan yang mempunyai mata yang sama bagi pasukan yang diperlukan untuk layak ke pusingan seterusnya, maka perbezaan gol (jaringan – bolos) yang lebih besar dikira pemenang
- ii. Jika perbezaan gol masih sama, jumlah jaringan terbanyak akan dikira pemenang
- iii. Jika masih seri, pasukan yang mengalahkan pasukan yang terlibat didalam peringkat kumpulan akan dikira pemenang

- iv. Jika masih seri, pihak urusetia akan mengambil keputusan untuk melakukan 'toss coin'

9.6 Kiraan mata

9.6.1 Setiap pasukan yang bertandinga akan diberi mata berdasar kepada format berikut :-

- a) Menang 3 mata
- b) Seri 1 mata
- c) Kalah 0 mata
- d) Menang Percuma ('Walk-Over' / pembatalan penyertaan – 3 mata, tiada jaringan gol akan diberikan)

9.7 Persamaan warna jersi

- i. Jika warna jersi sama maka pasukan kedua yang disebut di dalam jadual pertandingan akan diminta membuat pertukaran jersi atau memakai 'bit' yang disediakan oleh pihak penganjur

9.8 Lain-lain

Peraturan dan undang-undang yang tidak disebut diatas adalah tertakluk kepada Peraturan dan Undang-undang FIFA dan FAM dan penganjur.

9.9 Bantahan

9.9.1 Sebarang bantahan semasa perlawanan (di dalam gelanggang) hanya boleh dibuat oleh Pengurus pasukan sahaja dan hendaklah dibuat secara lisan kepada pengadil yang bertugas ketika itu. Kemudian bantahan tersebut hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pengurus pasukan kepada pengerusi jawatankuasa penganjur dan bantahan tidak lewat 5 minit selepas tamat perlawanan tersebut. Surat bantahan hendaklah ditandatangani oleh pengurus pasukan dan disertakan wang cagaran sebanyak RM400.00 (tunai). Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan itu gagal atau ditolak.

9.9.2 Sebarang keputusan yang dibuat dari jawatankuasa Penganjur dan Pengelola adalah **MUKTAMAD**.

10. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN / MENARIK DIRI / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

10.1 Sekiranya pengadil menghentikan perlawanan kerana sikap penyokong, penonton, pegawai atau pemain satu pasukan yang tidak memuaskan, maka kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dengan tiga(3) mata dan jaringan gol 3-0 atau jaringan semasa diberhentikan, jika ianya lebih.

10.2 Jawatankuasa penganjur dan pengelola akan memutuskan kedudukan perlawanan yang ditangguhkan oleh pengadil kerana tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

11. KESELAMATAN DI GELANGGANG

11.1 Pihak penganjur dan pengelola tidak bertanggungjawab diatas kecederaan, keselamatan, kehilangan peralatan, barang-barang, wang tunai atau lain-lain peralatan kepunyaan pemain dan pasukan sebelum, semasa dan selepas perlawanan.

12. HADIAH KEJOHANAN

12.1 Hadiah kejohanan akan disediakan seperti berikut :-

KEDUDUKAN	HADIAH
JOHAN	RM 3,000.00 + PIALA IRINGAN
NAIB JOHAN	RM 1,500.00
TEMPAT KETIGA	RM 1,000.00
TEMPAT KEEMPAT	RM 800.00
SUKU AKHIR	RM 100.00

13. HAK JAWATANKUASA PENGANJUR & PENGELOLA

13.1 Jawatankuasa penganjur dan pengelola adalah berhak untuk meminda/ menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.

Disediakan Oleh :

Urusetia
Kejohanan Bola Sepak Pantai Monsoon Challenge 2017
Majlis Daerah Pasir Puteh